KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# STATISTIK HARI INI
## oleh DOSM pada 12:00 tengah hari

**30 JULAI 2025 | #158**

# PENGGUNAAN ICT & E-DAGANG OLEH PERTUBUHAN 2024 (TAHUN RUJUKAN 2023)

## PENGGUNAAN ICT

| | Komputer | Internet | *Web Presence* |
|---|---|---|---|
| 2023 | 96.6% | 94.0% | 72.7% |
| 2022 | 95.9% | 93.3% | 71.4% |

## JENIS CAPAIAN INTERNET

| | Jalur Lebar Tetap | Jalur Lebar Mudah Alih | Jalur Lebar Tetap & Jalur Lebar Mudah Alih |
|---|---|---|---|
| 2023 | 93.0% | 78.8% | 75.0% |
| 2022 | 92.3% | 77.9% | 72.9% |

## INFRASTRUKTUR RANGKAIAN KOMPUTER

| | INTRANET | EXTRANET | LAN | WLAN | WAN | LAIN-LAIN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2023 | 52.0% | 25.7% | 76.9% | 71.1% | 88.9% | 7.5% |
| 2022 | 49.8% | 24.0% | 75.8% | 69.5% | 88.0% | 5.0% |

## PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN E-DAGANG

**Pendapatan** 2023: RM1,184.1b | 2022: RM1,126.9b | YoY: 5.1%

| | Tempatan | Antarabangsa |
|---|---|---|
| 2023 | RM1,053.0b | RM131.1b |
| 2022 | RM1,003.5b | RM123.4b |
| YoY | 4.9% | 6.3% |

| | B2B | B2C | B2G |
|---|---|---|---|
| 2023 | RM817.1b | RM336.6b | RM30.4b |
| 2022 | RM786.5b | RM312.6b | RM 27.8b |
| YoY | 3.9% | 7.7% | 9.3% |

**Perbelanjaan** 2023: RM571.4b | 2022: RM531.6b | YoY: 7.5%

| | Tempatan | Antarabangsa |
|---|---|---|
| 2023 | RM530.6b | RM40.8b |
| 2022 | RM494.2b | RM37.5b |
| YoY | 7.4% | 8.9% |

| | B2B | B2C | B2G |
|---|---|---|---|
| 2023 | RM443.4b | RM112.6b | RM15.4b |
| 2022 | RM432.2b | RM87.9b | RM11.5b |
| YoY | 2.6% | 28.1% | 33.6% |

## PENDAPATAN E-DAGANG SUKU TAHUNAN

Pendapatan E-Dagang 2023

**RM1,184.1 bilion**




| | ST1 2023 | ST2 2023 | ST3 2023 | ST4 2023 |
|---|---|---|---|---|
| QoQ | 1.6% | -3.8% | 3.2% | 0.8% |
| YoY | 10.4% | 2.5% | 5.4% | 1.7% |

| | ST1 2024 | ST2 2024 | ST3 2024 | ST4 2024 |
|---|---|---|---|---|
| QoQ | 0.5% | 3.1% | -0.6% | 0.8% |
| YoY | 0.5% | 7.8% | 3.8% | 3.7% |

ST1 2025 QoQ: 0.1% YoY : 3.4%

Nota: b - Bilion
ST - Suku tahun
QoQ - Perubahan peratusan suku tahun ke suku tahun
YoY - Perubahan peratusan tahun ke tahun

Sumber: Penggunaan ICT dan E-Dagang oleh Pertubuhan 2024
Jabatan Perangkaan Malaysia

@StatsMalaysia
ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN
MALAYSIA MADANI kemampanan
ODIN 2024-2025 OPEN DATA INVENTORY MALAYSIA TEMPAT PERTAMA DI DUNIA
20 Oktober
SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS MALAYSIA 2016 - 2030

# Pada tahun 2023, sebanyak 94.0 peratus perniagaan mempunyai akses internet, manakala 72.7 peratus mempunyai *web presence*

- 72.7 peratus perniagaan mempunyai *web presence* pada tahun 2023, meningkat daripada 71.4 peratus pada tahun 2022, menunjukkan kepentingan platform digital sebagai sebahagian daripada strategi perniagaan untuk kekal berdaya saing.

- Sementara itu, 96.6 peratus perniagaan menggunakan komputer manakala 94.0 peratus mempunyai akses internet pada tahun 2023, mencerminkan kebergantungan terhadap kesalinghubungan digital bagi menyokong operasi, komunikasi dan penyampaian perkhidmatan.

- Perluasan *web presence* ini disokong oleh penggunaan infrastruktur rangkaian komputer yang lebih meluas. Rangkaian Kawasan Luas (WAN) kekal paling banyak digunakan pada tahun 2023 dengan kadar 88.9 peratus, penggunaan yang penting bagi menyokong operasi berskala nasional terutamanya bagi perniagaan yang mempunyai banyak cawangan. Penggunaan Rangkaian Kawasan Setempat (LAN) meningkat kepada 76.9 peratus, manakala Rangkaian Kawasan Setempat Tanpa Wayar (WLAN) mencapai 71.1 peratus, menunjukkan kebergantungan perniagaan terhadap rangkaian bersepadu untuk memperkemaskan operasi dan komunikasi *real-time.*

- Penggunaan digital yang semakin meluas turut meningkatkan pendapatan e-dagang Malaysia sebanyak 5.1 peratus kepada RM1.18 trilion pada 2023 berbanding RM1.13 trilion pada 2022.

- Perbelanjaan e-dagang turut berkembang dengan peningkatan 7.5 peratus kepada RM571.4 bilion pada 2023.

- Pada suku tahun pertama tahun 2025, pendapatan e-dagang merekodkan RM310.6 bilion, menunjukkan peningkatan sebanyak 3.4 peratus berbanding suku pertama tahun 2024. Bagi perbandingan suku tahunan, pendapatan e-dagang meningkat sebanyak 0.1 peratus.